


Racun Serangga

SELAMAT



APA DIA RACUN SERANGGA?

Racun serangga mengandungi bahan kimia yang boleh menjauhkan atau menghapuskan serangga perosak. Tanpa bisikita sedari, baban-bahan berkenaan digunakan setiap hari seperti penyembur lalat, pemusnah rumput, pemusnah kulat dan juga bahan-bahan yang digunakan untuk melindungi kayu dari serangan serangga atau lumut. Bahan berkenaan digunakan untuk menentang serangan lumut, kulat dan serangga yang terdapat di rumah atau di kebun dan juga serangan rumput atau serangga perosak di kebun biskita. Setengah racun juga digunakan dalam cat khas untuk menghindari kupang laut dan rumpai laut dari melekat di badan perah .

CARA PENGGUNAAN RACUN SERANGGA YANG SELAMAT

Tanda maklumat atau label pada racun serangga memberi panduan cara-cara penggunaan racun serangga secara berkesan dan bagaimana melindungi diri pengguna, orang berdekatan (termasuk kanak-kanak), binatang peliharaan dan alam sekitar dari kemudaratan.

Adalah sangat penting untuk membaca dan memahami label pada bekas racun berkenaan. Panduan atau arahan yang tertulis mestilah dipatuhi agar penggunaan racun serangga lebih berkesan dan selamat.

Label juga memberi keterangan lain seperti:

Apa kegunaan yang diluluskan bagi racun berkenaan seperti 'Hanya digunakan untuk pengawetan kayu'. Racun berkenaan tidak boleh digunakan untuk kegunaan lain.

Keterangan mengenai orang yang dibenarkan untuk menggunakan racun serangga samaada ia diluluskan untuk digunakan oleh.

Pengguna amatur - racun serangga ini boleh digunakan oleh orang ramai seperti penggunaan racun rumput di kebun.

Pengguna profesyenal - racun jenis ini hanya boleh digunakan oleh mereka yang menggunakan racun dalam sebahagian dari kerja mereka dan telah diberi latihan yang bersesuaian tentang penggunaan dengan cara yang selamat.

Penggunaan industri - racun ini digunakan dalam industri seperti kilang perawatan kayu untuk melindungi dari ancaman kulat atau serangga. Penggunaannya terhadap kepada mereka yang menggunakan racun dalam kerja mereka.dan telahpun menerima latihan tentang cara penggunaan yang selamat.

Samaada sebarang peralatan atau pakaian keselamatan diperlukan semasa menggunakan racun serangga.

Awda Mesti:

Menggunakan alat perlingdungan keselamatan, sarung tangan, alat pertindungan pernafasan dan mata yang bersesuaian.

* Memakai alat perlindungan pendengaran jik menggunakan alat-alat yang bising.

Bagaimana cara menggunakan racun serangga tanpa memudaratkan diri, orang lain atau binatang peliharaan.

Awda Mesti:

Memastikan semua alat-alat adalah dalam keadaan yang baik dan selamat untuk digunakan.

Memastikan stor mempunyai ruang udara yang mencukupi semasa mengisikan alat penyembur dengan bahan kimia.

* Tidak makan, minum atau merokok dalam stor atau semasa bekerja.

Mandi dengan sempurna setiap kali selepas operasi.

~ Mencuci dan menyimpan alat perlindungan dan pakaian keselamatan dengan sempurna setiap kali selepas operasi.

Samaada laluan ke tempat yang telah disembur perlu dihadkan atau ditegah.

Gunakan tanda-tanda keselamatan jika diperlukan.

Bagaimana cara menggunakan racun serangga secara berkesan.

Awda Mesti:

Mengikut arahan dan tatacara yang disediakan bagi pengendalian racun serangga dan penyemburan yang selamat.

Memastikan semua alat penyembur dalam keadaan yang baik dan selamat serta ditutup dengan rapi.

Tidak sekali-sekali menyembur bertentangan dengan angin bagi mengelakkan pendedahan kimia kepada diri sendiri.

Bagaimana cara menggunakan racun serangga tanpa mencemarkan alam sekitar dan binatang liar seperti ikan, kelawar dan lebah.

Apa yang perlu dilakukan apabila terdedah kepada racun tanpa disengaja seperti tumpahan.

Jika berlaku ketumpahan bahan kimia:

* Bataskan ketumpahan tersebut.

*Elakkan ketumpahan dari,terkena haiwan dan manusia.

Gunakan pasir atau habuk kayu untuk menyerap kimia dan sapu dengan hati-hati dan teliti.

* Dengan sempurna semua tempat yang tercemar dengan kimia samaada di dalam stor atau di dalam kenderaan.

- ~ Tanamkan habuk kayu yang digunakan untuk menyerap kimia tersebut sedalam 50cm (20 inci) di tempat yang selamat.

PERTOLONGAN CEMAS

Jika bahan kimia terkena pada mata:

- ~ Bersihkan mata dengan menggunakan air menengalir sekurang-kurangnya 15 minit.
- ~ Bahan kimia ini boleh menyebabkan mata kemerahan, pedih atau gatal.

Sila berjumpa dengan doktor untuk mendapatkan nasihat dan rawatan.

Jika bahan kimia terkena pada kulit:

Cuci bahagian anggota yang terkena dengan air dan sabun seberapa segera yang boleh termasuk pakaian dan alat perkakas dengan teliti supaya tidak dicemari oleh bahan kimia tersebut.

Sila berjumpa dengan doktor jika perlu

Jika bahan kimia termakan atau tertelan:

Elakkan pesakit dari rumah.

Beri minum air sebanyaknya dan hantar terus ke hospital.

Elakkan memberi cecair atau mengakibatkan pesakit muntah jika ia didapati tidak sedarkan diri atau dalam keadaan sawan.

Jika bahan kimia tersedut:

Alihkan pesakit ke tempat yang bersih dan berudara.

- ~ Longgarkan semua pakaian yang ketat seperti tali pinggang.

Pekerja yang sering mengendalikan bahan kimia hendaklah membuat pemeriksaan kesihatan setiap tahun.

Dengan mengikuti panduan yang diberikan, insya Allah, sebarang masalah kesihatan dengan penggunaan racun serangga dapat dihindari. Walaubagaimanapun, jika biskita merasa sakit selepas menggunakan sebarang racun serangga, silah berjumpa dengan doktor. Maklumkan kepada doktor nama produk dan bahan aktif dalam racun serangga berkenaan. Kalau boleh simpan bekas racun berkenaan dan biskita boleh melaporkan sebarang kejadian keracunan kepada Unit Kesihatan Cara Kerja, Perkhidmatan Kesihatan Awam untuk sebarang tindakan yang boleh diambil.

Baca tanda maklumat atau label pada bekas racun sebelum menggunakannya

Gunakan Racun Serangga Dengan Selamat



C*

Terbitan Unit Kesihatan Cara Kerja
dengan kerjasama
Unit Promosi & Pendidikan Kesihatan
Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam

OHS/02/Pest/2001